

**TALKING POINTS**  
**YGBHG DATO NAIB CANSOLOR UNIMAP**  
**WISUDA SARJANA DAN PASCASARJANA PERIODE II/2012**  
**UNIVERSITAS ISLAM SUMATERA UTARA**

**TARIKH:** 22 JANUARI 2013 (SELASA)  
**JAM:** 8.45-9.05 PAGI  
**TEMPAT:** GEDUNG GRIYA DOME CONVENTION CENTER,  
MEDAN, INDONESIA

---

**SALUTATION**

- YBhg Profesor Ir H. Zulkarnain Lubis,  
Rektor, Universitas Islam Sumatera Utara (UISU), Medan, Indonesia.
- Yang Berusaha Sdra Syamsuddin Asmad,  
Koordinator Acara Panitia Wisuda UISU 2013 dan ahli jawatankuasa pelaksana
- Tenaga Akademik dan Staf Pentadbiran UISU
- Wisudawan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

**UCAPAN TERIMA KASIH**

1. Ucapan terima kasih kepada YBhg Profesor Ir H. Zulkarnain Lubis, Rektor, Universitas Islam Sumatera Utara (UISU), Medan di atas kesudian menjemput kami untuk hadir ke program Wisuda Sarjana dan Pascasarjana Periode II/2012, dan kepimpinan dan staf universitas.

**PANTUN**

2. Izinkan saya memulakan bicara dengan dua rangkap pantun. Pantun pertama begini bunyinya:

Dari Perlis ke tanah Medan  
Singgah sebentar di Pulau Mutiara  
Tangan dihulur tanda persahabatan  
Terima kasih diucap tiada terkira

3. Dan yang kedua pula berbunyi begini:

Malaysia dan Indonesia sering teruji  
Unimap dan UISU berakan taulan  
Marilah bersama berteguh janji  
Moga ukhuwah terus berkekalan

### **PERLIS DAN MEDAN**

4. Alhamdulillah kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Yang Esa kerana dua universiti terhebat dapat duduk bersama sebagai satu rumpun seperti akrabnya Malaysia dan Indonesia di persada diplomatik. Walau pun kedua-dua negeri Perlis dan Medan di sempadani Selat Melaka, kita memiliki banyak persamaannya.
5. Kedua negeri Perlis dan Medan berada pada kedudukan terutara di Kepulauan Sumatera dan Semenanjung Malaysia. Kita bukan sahaja berkongsi samudera yang sama malah juga menikmati iklim yang hampir serupa iaitu Monsun Tropika. Malah berbagai unsur geografi seperti kadar suhu dan hujan yang sememangnya tidak berbeza.
6. Yang menarik di sini, walaupun Perlis dan Indonesia memiliki bilangan penduduk yang berbeza angkanya masing-masing 245,000 dan 4.1 juta, peratusan penduduk kedua-duanya berbanding total peringkat negara adalah antara 1 - 2 % (Malaysia - 28 juta), Indonesia - 237.4 juta).
7. Kalau diukur jarak lokasi Perlis dan Medan ianya adalah pada kadar 367.88 km tetapi sekiranya dikira tempoh penerbangan antara dua titik ini ia sekadar mengambil masa 41 minit dengan andaian kelajuan kapal terbang 560 batu sejam. Dan mobilisasi rakyat di kedua-dua negeri ini dihubungkan melalui udara dan laut.

### **UNIMAP & UISU**

8. Unimap dan UISU adalah dua institusi pendidikan peringkat tertiar yang bersama-sama dengan beratus-ratus universiti lain di Malaysia dan Indonesia yang menumpukan seluruh operasinya bagi melahirkan generasi yang memiliki unsur-unsur nilai instrinsik, kemahiran bersosial dan utilitarian pada tahap tertinggi. Nilai intrinsik yang dimaksudkan di sini ialah kewujudan sifat-sifat penuh kemuliaan, ketertiban, berjati diri dan nasionalis yang tidak tolok bandingnya. Kemahiran sosial pula adalah bersifat menyeluruh iaitu memiliki keupayaan menguasai interaksi bermasyarakat yang holistik dan mempertahankan hukum berbudaya di mana mereka berada. Dan aspek utilitarian

yang saya sebutkan tadi pula bermaksud graduan yang Unimap dan UISU lahirkan perlu berupaya memperolehi pekerjaan yang baik mengikut bidang profesionalisme masing-masing sama ada dengan jabatan kerajaan, syarikat swasta atau bekerja sendiri seperti perniagaan. Apa sahaja kerjaya yang dilaksanakan ia adalah bertujuan untuk berkhidmat kepada masyarakatnya.

9. Saya juga berbangga kerana dapat bersama dengan UISU pada hari ini kerana universiti ini adalah merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang tertua dan terulung di tanah Sumatera ini. Kami diberi maklum bahawa UISU telah ditubuhkan sekitar melebihi enam (6) dekad yang lalu yang bermula sebagai kelas persiapan Akademi Islam Indonesia dan hari ini UISU sudah memiliki lebih 9,000 pelajar. Manakala Unimap sebagai salah sebuah universiti milik kerajaan yang termuda di Malaysia hanya baru dilahirkan sekadar 10 tahun yang lalu bermula sebagai sebuah kolej universiti bernama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Dan hari ini kami mempunyai hampir 10,000 pelajar yang sedang mempelajari bidang kejuruteraan dan perniagaan.

#### **UNIMAP: STAF DAN PELAJAR**

10. Tempoh 10 tahun bukanlah merupakan tempoh yang begitu lama bagi sesebuah universiti untuk meniti kejayaan. Dengan meletakkan misi – “Pelajar antarabangsa Melahirkan Modal Insan Kamil Yang Menyumbang Kepada Agenda Pembangunan dan Daya Saing Industri Negara”, dan pada ketika ini Unimap telah mempunyai pelajar hampir 10,000 orang dan 75% daripada bilangan adalah pelajar ijazah pertama atau bachelor, 5.6% adalah pelajar ijazah lanjutan (Master dan Doktor Falsafah) manakala bakinya adalah peringkat diploma.
11. Pertambahan bilangan pelajar ijazah lanjutan iaitu Master dan Doktor Falsafah (PhD) ialah begitu drastik sekali. Contohnya antara tahun 2007 hingga 2011 bilangan pelajar Master meningkat sebanyak 152% (288 pelajar) daripada 114 orang pada tahun 2007, dan bilangan pelajar PhD pula meningkat sebanyak 348% (193 orang) berbanding 43 orang pada tahun 2011.
12. Graduan Unimap telah mendapat keputusan cemerlang pada setiap konvokesyen di mana sekurang-kurangnya 40% dari mereka memperolehi keputusan akademik CGPA melebihi 3 pointer. Malah Unimap pernah berjaya menghasilkan hampir 50% graduan berkeputusan CGPA lebih 3 pointer. Dan insyaallah status ini boleh berulang lagi kerana kewibawaan urustadbir Unimap dan pencyarahnya yang terus menunjukkan tanda-tanda yang begitu positif.
13. Unimap juga begitu berbangga dengan status kebolehpasaran graduannya yang telah tamat pengajian masing-masing. Alhamdulillah, setelah berjaya menganjurkan 7 konvokesyen, hasil kajian dan pemantauan kami menunjukkan graduan Unimap telah

pun mendapat pekerjaan dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamat pengajian masing-masing. Kadar daya kebolehpasaran graduan Unimap adalah 73% (analisis bagi tahun 2011-12). Dan lebih dari dua pertiga daripada graduan tersebut bekerja di syarikat perniagaan terkenal dan besar iaitu Multinational Corporation, Government Linked Company dan syarikat swasta lain.

14. Segala kejayaan yang dinikmati adalah hasil dari komitmen yang tinggi di kalangan 9,000 pelajar dan hampir 1,936 staf yang sedia ada di Unimap pada ketika ini. Saya sentiasa berbangga dengan kerjasama yang tidak pernah pudar yang dimiliki oleh 823 pensyarah Unimap dalam menghasilkan graduan yang berkualiti yang menjadi kebanggaan kami.

### **STATUS DAN KEJAYAAN UNIMAP**

15. Dalam tempoh satu dekad atau 10 tahun yang lalu Unimap telah berjaya mengharumkan nama Negara Malaysia di persada antarabangsa dan kebangsaan dalam berbagai bidang sama ada akademik atau bukan akademik. Sejak tahun 2005 hingga tahun 2012 Unimap telah dianugerahkan sebanyak 629 pingat di pertandingan akademik dan bukan akademik. Antaranya termasuklah:

- **International Invention, Innovation Industrial Design and Technology Exhibition (ITEX) ke 23 ( 2012).** *Menang - 25 emas, 32 perak dan 9 gangsa.*
- **3rd International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-ENVEX) 2012.** *Menang 6 emas, 8 perak dan 8 gangsa. Menang Anugerah MOHE Grand Price Award bagi Produk Bio-Molecule Detection Using In House Fabricated Microstructure Based Sensor*
- **Pertandingan Asian Young Inventors Exhibition 2011 (Ayie 2011).** *Menang 2 Emas ; 3 Perak*
- **British Invention Show (BIS) di Seoul Korea.** *Menang Pingat Perak.*
- **36<sup>TH</sup> International Invention Show INOVA.** *Menang 6 Emas ; 2 Perak 6 Anugerah Khas ; Best Invention Award , Grand Award ,Special Award (2 produk), Special Award Silver Award-ROMANIA*
- **Pertandingan Robot Universiti-universiti Malaysia 2012 (MURoC 2012).** *Menjadi Juara Keseluruhan.*
- **Ekspo Inovasi Islam 2011 (i-INOVA'11).** *Menang 1 Emas ; 6 Perak ; 2 Gangsa. Menang 2 Anugerah Khas ; Al-Khawarizmi Islamic Innovation Award*

- **Menang anugerah Rekabentuk Keselamatan Terbaik dan Persembahan Pit dan Portfolio Terbaik** pada **Proton Green Mobility Challenge (PGMC) 2012**
- UniMAP meraih pencapaian taraf **tiga bintang** sekaligus **mendahului dalam kedudukan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) Malaysian Research Assessment Instrument (MyRA) 2012.**
- UniMAP muncul antara 35 institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menerima pengiktirafan cemerlang (**TIER 5**) menerusi **Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) 2011**
- **Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2012** – *Unimap menang 17 pingat emas adri 23 pingat dan menduduki tempat ketiga daripada 30 buah universiti dan kolej milik kerajaan dan swasta.*

#### **ILMU, KEIKHLASAN, KECEMERLANGAN**

16. Moto Unimap ialah **“Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan”**. Penggubalan moto ini adalah berasaskan prinsip asas pendidikan sejagat yang bersifat pendekatan holistik. Prinsip asas ini ialah **intrinsik, sosialisasi** dan **utilitarian**. Justeru itu, terma ‘Ilmu’ berkaitan instrinsik, terma ‘keikhlasan’ berkait dengan sosialisasi dan terma ‘kecemerlangan’ pula boleh dikaitkan dengan utilitarian. Slogan ini juga berkait langsung dengan tiga (3) domain Taksonomi Bloom yang begitu terkemuka dalam dunia pendidikan iaitu Domain Kognitif, Domain Afektif dan Domain Psikomotor. Alhamdulillah, setakat ini pegangan kami terhadap slogan ‘Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan’ telah Berjaya menghasilkan tenaga kerja yang berkomited dan graduan yang berkualiti akademik dan berjiwa insan.

#### **KERJASAMA UNIMAP-UISU**

17. Perhubungan antara Unimap-UISU perlu diakrabkan. Persamaan yang dimiliki antara kedua-dua universiti ini begitu banyak sekali. Antaranya ialah lokasi kedua-duanya di Perlis, Malaysia dan Medan, Indonesia yang mempunyai elemen-elemen geografi yang sama, memiliki budaya negara serumpun yang wujud semenjak zaman berzaman, memiliki kemudahan jarak lokasi yang berdekatan, berkongsi lautan serupa dan sebagainya. Walau pun Unimap masih muda usianya sekadar melepasi 10 tahun atau satu dekad berbanding UISU yang telah melebihi 60 tahun atau 6 dekad, banyak perkara yang kita boleh kongsi bersama. Misalnya, kedua-duanya dimiliki dan diurustadbir oleh orang Islam, kursus pengajian yang hampir-hampir serupa, walaupun UISU lebih menunjukkan keseimbangan antara Sains dan Teknikal Tulin berbanding Unimap memiliki dominasi kejuruteraan.

18. Adalah menjadi harapan kami agar selepas menandatangani MOU nanti, marilah sama-sama kita dapat terus memulakan beberapa langkah bagi merealisasikan aktiviti yang boleh dimanfaatkan oleh tenaga kerja dan pelajar di kedua-dua universiti ini. Misalnya, pertukaran pelajar dan pensyarah bagi tempoh tertentu, kerjasama pintar program Master dan Doktor Falsafah atau PhD, mewujudkan pasukan penyelidikan dari kalangan pensyarah daripada kedua-dua universiti ini, pemasaran produk di kedua-dua negara melalui kedua-dua universiti, menubuhkan kerusi akademik atas nama tokoh negarawan Indonesia di Unimap dan negarawan Malaysia di UISU, dan mempertimbangkan pelantikan pakar atau professor kunjungan. Semoga kebolehpayaan kita menjalinkan kerjasama seumpama ini boleh menghasilkan kecemerlangan akademik dan bukan-akademik Unimap dan UISU.

### **PANTUN PENUTUP**

19. Sebagai pengakhir kalam, saya bagi pihak rombongan yang hadir pada hari ini dan seluruh warga Unimap di Perlis, Malaysia, mengucapkan ribuan terima kasih khasnya sahabat karib saya YBhg Profesor Ir H. Zulkarnain Lubis, Rektor, Universitas Islam Sumatera Utara (UISU), Medan, Indonesia atas kesudian menerima kami sebagai tetamu. Segala hospitality yang diberikan amat dihargai. Dan saya dengan penuh takzim menjemput dan mempersilakan warga UISU untuk melawat Unimap di Perlis pula. Inshaallah kami akan menerima dengan begitu gembiranya.

20. Akhirnya izinkan saya melafazkan serangkap pantun:

Unimap, UISU, Perlis dan Medan  
Malaysia dan Indonesia kekal seazali  
Salam persahabatan sudilah dipadan  
Moga ukhawah Unimap-UISU kekal abadi